

29/07/2000

Penjelasan PM jadi agenda utama

Magendran Rajagopal

NASIHAT Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya rakyat jangan terpengaruh dengan dakwah pihak tidak bertanggungjawab yang cuba menjejaskan perpaduan antara kaum menjadi agenda utama kebanyakan akhbar harian Tamil.

Penjelasan beliau mengenai rompakan senjata di Sauk, Perak yang mengorbankan dua anggota keselamatan, Sarjan Sagadevan dan Mathew a/k Medan serta letupan di Dataran Klang, turut mendapat liputan Tamil Nesan (Nesan) dan Malaysia Nanban (Nanban) minggu ini.

Nesan keluaran minggu ini, dengan kerjasama MIC, memulakan dana untuk keluarga mendiang Sagadevan dengan menyiarkan borang khas yang mana pembaca boleh menggunakannya untuk menyampaikan sumbangan. Tabung itu yang dimulakan dengan sumbangan RM10,000 daripada Presiden MIC, merangkap Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, disiarkan setiap hari dalam Nesan sejak minggu lalu.

Akhbar itu keluaran Ahad pula melaporkan dua warga negara Malaysia ditahan di Lapangan Terbang Chennai, India kerana cuba menyeludup lebih 3,000 video cakera padat (VCD) lucu dari Malaysia, bernilai kira-kira RM20,000. Mereka kini ditahan oleh pihak berkuasa di Chennai bagi membantu siasatan.

Sementara itu, seorang lelaki berusia 65 tahun di Pelam Estet, Kulim, Kedah cuba membunuh diri dengan meminum racun selepas mengagihkan wang simpanan serta barangan kemas miliknya kepada enam orang anaknya.

Mengikut laporan Nesan, lelaki terbabit, dalam nota yang ditinggalkan, meminta anak-anaknya menggunakan RM10,000 daripada wang simpanannya untuk urusan pengkebumian sementara bakinya diberikan kepada cucu beliau.

Mengikut nota sama, baki hartanya iaitu wang tunai sebanyak RM80,000 serta sejumlah barangan kemas, hendaklah dibahagikan sama rata di antara lima anak perempuan serta seorang anak lelakinya.

Bagaimanapun, lelaki tua itu gagal dalam cubaan membunuh diri dan dilaporkan berada dalam keadaan kritikal serta sedang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi, Hospital Besar Kulim.

Nanban, dalam laporan luar negara pula menyiarkan pertempuran antara tentera kerajaan Sri Lanka dan gerila Pembebasan Harimau Tamil Elam (LTTE) yang mengorbankan lebih 1,000 orang sepanjang empat bulan lalu.

Sumber kerajaan mendakwa serangan bertubi-tubi serta operasi tentera mencapai kejayaan itu adalah langkah berjaga-jaga terhadap amaran LTTE akan melancarkan serangan besar-besaran di Colombo, ibu negara Sri Lanka.

(END)